

Sistem semester fleksibel perlu dilaksanakan di sekolah rendah

UM 2 SEP 2001

KUALA LUMPUR 1 Sept. — Kementerian Pendidikan- disaran memperkenalkan sistem semester yang fleksibel di peringkat sekolah rendah yang diumumkan dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.

Pensyarah Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof. Datuk Dr. Isahak Haron berkata, saranan itu sejajar dengan peruntukan yang ada dalam Akta Pendidikan 1996 supaya pendidikan rendah diadakan dalam tempoh lima hingga tujuh tahun.

Menurutnya, antara ciri sistem semester itu ialah setiap mata pelajaran dipecahkan mengikut tahap satu, dua, tiga, empat, lima dan enam menggunakan Modul 1, 2, 3, 4 hingga 12.

Katanya, satu modul adalah untuk setiap semester dan pada akhir modul, satu penilaian akan dibuat ke atas murid.

Beliau juga berkata, murid yang telah menguasai modul tersebut iaitu lulus ujian dengan memuaskan akan beralih kepada modul seterusnya.

“Murid hanya akan mengambil ujian apabila dia benar-benar bersedia.

“Oleh itu, akan terdapat murid yang menguasai Modul 4 dalam Bahasa Melayu berada dalam Modul 3 dalam Matematik dan Modul 2 dalam Bahasa Inggeris,” katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk Prestasi Pelajar Melayu/Bu-

miptera Di Peringkat Sekolah Rendah (UPSR), Menengah (PMR, SPM dan STPM) Dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) pada Kongres Pendidikan Melayu di sini hari ini.

Kongres dua hari anjuran Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat dan Kumpulan Melayu Prihatin itu dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Dr. Isahak, menerusi sistem itu juga, mm-id tidak akan dikelompokkan mengikut Tahun 1, 2, 3, 4, 5 dan 6 berdasarkan umurnya tetapi bergerak dalam kelompok mengikut kebolehannya iaitu penguasaannya dalam setiap mata pelajaran.

Tambahnya, pelaksanaan sistem semester fleksibel itu bakal menyaksikan kira-kira 25 peratus murid sesebuah sekolah dapat menyelesaikan pelajaran enam tahun dalam tempoh lima tahun sahaja: 65 peratus menyelesaikannya dalam masa enam tahun dan 10 peratus dalam masa tujuh tahun.

Selain itu, beliau berkata, tempoh fleksibel itu perlu kerana murid yang masuk sekolah rendah mempunyai kesediaan dan kebolehan yang berbeza.

Oleh itu, katanya, murid memerlukan tempoh yang berlainan untuk mencapai tahap akademik yang diharapkan pada akhir persekolahan rendah.